

18 MAY 1996
WAY-Ekonomi
WAY WUJUD KELAB USAHAWAN BELIA DUNIA

MELAKA, 18 Mei (Bernama) -- Perhimpunan Belia Dunia (WAY) akan mewujudkan Kelab Usahawan Belia Dunia sebagai pemangkin kegiatan ekonomi di kalangan negara anggotanya, kata Presidenennya Datuk Mohd Ali Rustam.

Beberapa usahawan muda yang bertaraf jutawan akan "dilamar" untuk menerajui kelab itu di negara terbabit dan bagi Malaysia terdapat dua usahawan berusia 30-an yang telah dikenal pasti untuk berkhidmat dengan WAY.

"Pengerusi kelab itu terdiri di kalangan mereka yang telah berjaya di dalam bidang keusahawanan yang diceburi dan kelab itu bertujuan antara lain juga menggalakkan belia berniaga dalam bidang yang dikenal pasti," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Makan Malam Sekalung Budi anjuran WAY di sebuah hotel di Air Keroh dekat sini malam tadi.

Mohd Ali yang juga Timbalan Menteri Pengangkutan berkata, WAY yang kini dianggotai sebanyak 67 negara boleh menggunakan kepakaran sebuah negara tertentu untuk meningkatkan rangkaian perniagaan.

Kelab Usahawan Belia di Jerman, sebagai negara berteknologi tinggi, boleh memperluaskan pengedaran barangan perkilangannya ke negara lain menerusi WAY.

Mohd Ali berkata, dalam lawatannya ke negara yang menganggotai WAY beliau melihat banyak peluang perniagaan dan keusahawanan yang boleh diceburi dan dikongsi bersama.

"Belia-belie dinamik seperti di China, Indonesia, Chile, Jerman dan Slovakia sentiasa meninjau untuk memperkembangan rangkaian perniagaan dan berkongsi pengalaman mereka," katanya.

Ali juga memberitahu Kelab Penerbangan Belia 4B yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 3 Mei lepas di Batu Berendam, dekat sini kini mempunyai lebih 100 anggota.

Kelab itu yang menggunakan pesawat terbang jenis microlight (dua buah pesawat adalah hadiah peribadi Dr Mahathir) kini menjadi tarikan baru kepada kalangan belia yang ingin mempertingkatkan minat dalam bidang teknologi dan mempelajari disiplin penerbangan. -- BERNAMA

NO NMO